



**KETUA PESURUHJAYA**  
(Chief Commissioner)  
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
(MALYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION)

**IBU PEJABAT**  
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
ARAS 22, BLOK C,  
NO. 2, LEBUH WAWASAN  
PRESINT 7  
62250 PUTRAJAYA

Tel. 03-8870 0002  
Faks 03-8870 0901  
E-mail . kp@sprm.gov.my

Ruj. Kami: SPRM.600-3/7/1 Jld.1 (35)  
Tarikh : 20 Februari 2023

YAA Tun Tengku Maimun Binti Tuan Mat  
Ketua Hakim Negara  
Pejabat Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Aras 5, Istana Kehakiman  
Presint 3  
62506 PUTRAJAYA.

Yang Amat Arif,

**LAPORAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA KEPADA  
KETUA JABATAN MENGENAI PERLANGGARAN PERATURAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YAA Tun sedia maklum, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menjalankan satu siasatan atas aduan yang dibuat kepada YA Dato' Mohd Nazlan Bin Mohd Ghazali, Hakim Mahkamah Rayuan di mana pada ketika aduan diterima YA Dato' Mohd Nazlan Bin Mohd Ghazali merupakan Hakim Mahkamah Tinggi yang telah mendengar kes bagi perbicaraan bernombor kes WA-45-2-07/2018, WA45-3-07/2018 dan WA-45-5-08/2018 untuk pertuduhan kepada Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak.

3. Berdasarkan siasatan yang dijalankan, Suruhanjaya ini berpendapat terdapat isu salah laku yang perlu dipertimbangkan oleh YAA Tun yang telah dilakukan oleh YA Dato' Mohd Nazlan Bin Mohd Ghazali di bawah Kod Etika Hakim 2009 ketika beliau membuat keputusan ke atas ketiga-tiga kes yang didengari. Fakta bagi siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya ini turut dilampirkan bersama dengan surat ini iaitu Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Kepada Ketua Jabatan Mengenai Perlanggaran Tatakelakuan.



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT NO: AN 6103


4. Sekiranya pihak YAA Tun mempunyai apa-apa pertanyaan atau ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan siasatan yang dijalankan, bolehlah menghubungi Ybhg. Dato' Mohamad Zamri bin Zainul Abidin, Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram di talian 012-4821283.

Kerjasama dan perhatian YAA Tun dalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
( TAN SRI DATO' SRI HAJI AZAM BIN BAKI )  
Ketua Resuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



**LAPORAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
KEPADA KETUA JABATAN MENGENAI PELANGGARAN  
TATAKELAKUAN**

**NAMA** : MOHD NAZLAN BIN MOHD  
GHAZALI  
**JAWATAN** : HAKIM MAHKAMAH RAYUAN  
**AGENSI** : BADAN KEHAKIMAN MALAYSIA  
**KUMPULAN** : -  
**PERKHIDMATAN**  
**GRED JAWATAN** : -  
**TARIKH BERSARA WAJIB** : 26 NOVEMBER 2027

---

**1. TUJUAN**

Laporan ini dikemukakan bertujuan memohon YAA Ketua Hakim Negara mengkaji dan meneliti keterangan-keterangan berkenaan pelanggaran tatakelakuan yang diperoleh hasil daripada siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan seterusnya mempertimbangkan supaya tindakan tatatertib yang sewajarnya diambil terhadap pegawai berkenaan mengikut Kod Etika Hakim 2009.

---

## 2. BUTIR-BUTIR PEGAWAI

- (a) Nama dan No.Kad Pengenalan : Mohd Nazlan Bin Mohd Ghazali / 671126-10-**XXX**
- (b) Tarikh lahir/Umur : 26 November 1967/55 Tahun
- (c) Tarikh mula dilantik dalam Perkhidmatan Awam : 10 April 2015
- (d) Tarikh memegang jawatan sekarang : 4 Februari 2022
- (e) Gelaran jawatan dan tempat bertugas sekarang : Hakim Mahkamah Rayuan Istana Kehakiman, Presint 3, Putrajaya
- (f) Gelaran jawatan dan tempat bertugas semasa pelanggaran tatakelakuan dilakukan : Hakim Mahkamah Tinggi Mahkamah Jenayah 3, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

## 3. LATAR BELAKANG

3.1 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan siasatan terhadap pegawai-pegawai kanan Maybank di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009 berkaitan aduan bernombor 0147/2022, berhubung perlakuan amalan rasuah & penyalahgunaan kuasa dalam permohonan pinjaman jangka pendek sebanyak RM6.17 billion bagi tujuan pengambilalihan keseluruhan ekuiti Tanjung Energy Holding Sdn. Bhd. (TEHSB) oleh 1MDB Energy.

3.2 Di antara 15/03/2022 sehingga 11/05/2022 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menerima 6 laporan ke atas YA

---

Dato' Mohd Nazlan Bin Ghazali yang dikatakan menerima sogokan daripada 1MDB/SRC semasa menjadi General Counsel dan Company Secretary Maybank pada tahun 2006-2015 dan 'conflict of interest'.

- 3.3 Kesemua laporan yang diterima oleh Suruhanjaya ini adalah berkaitan penglibatan beliau yang melibatkan isu sebagai "General Counsel" dan "Company Secretary Maybank" dalam menguruskan kelulusan pinjaman RM 140 juta kepada Putra Perdana Berhad dan pinjaman RM 4.17 billion kepada 1MDB Energy bagi pengambilalihan Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd.
- 3.4 Pada 4 Julai 2018, tiga (3) pertuduhan jenayah pecah amanah dan satu (1) pertuduhan salah guna kuasa berhubung dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta di Mahkamah Sesyen KL. Kes itu kemudian dipindahkan ke Mahkamah Tinggi. Pada 10 Ogos 2018, YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak telah didakwa di Mahkamah Tinggi atas tiga (3) pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan dana sama (RM42 juta daripada SRC International) yang merupakan hasil kegiatan haram.
- 3.5 Pada bulan yang sama juga, selepas tiga Hakim Mahkamah Tinggi menolak bagi mendengar kes YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak, YA Dato' Mohd Nazlan Bin Ghazali telah dilantik untuk mendengar kes ini. Sebelum ini YA adalah merupakan Hakim Mahkamah Tinggi Sivil dan ini merupakan prosiding kes jenayah pertama yang didengari oleh YA.

- 
- 3.6 Perbicaraan bagi kes SRC International telah dimulakan pada 3 April 2019 sehinggalah pada 28 Julai 2020 dan YA menjatuhkan hukuman dan memerintahkan Najib dipenjara 12 tahun dan denda RM210 juta serta lima tahun penjara lagi jika gagal bayar denda ke atas YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak.
- 3.7 Pihak YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak telah mengemukakan rayuan terhadap sabitan dan hukuman ke Mahkamah Rayuan pada 30 Julai 2020 dan permohonan beliau untuk menangguhkan keputusan Mahkamah Tinggi telah ditolak pada 24 November 2021.
- 3.8 Mahkamah Rayuan pada 8 Disember 2021 telah mengekalkan sabitan keatas YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak tetapi memberikan penangguhan sementara menunggu rayuan selanjutnya.
- 3.9 Pada 16 Ogos 2022, Mahkamah Persekutuan telah mendengar permohonan YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak untuk menangguhkan rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd dan permohonan tersebut ditolak.
- 3.10 Pada 23 Ogos 2022, Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman 12 tahun penjara serta denda RM210 juta yang dikenakan ke atas YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak yang didapati bersalah menyeleweng dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd. Panel lima hakim dipengerusikan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat & YAA mengumumkan waran komital dan YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak akan mula menjalani hukuman penjaranya berkuat kuasa dari hari tamat prosiding.

---

3.11 Pada 6 September 2022, YBhg Dato' Sri Mohd Najib Razak melalui Tetuan Shafee & Co telah membuat memohon kebenaran untuk membuat semakan terhadap keputusan panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat, pada 23 Ogos lalu.

3.12 Laporan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung penyiasatan yang dilakukan oleh Suruhanjaya ini keatas aduan yang dibuat keatas YA Dato' Mohd Nazlan Bin Ghazali.

#### **4. HASIL SIASATAN**

4.1 YA Dato' Mohd Nazlan Bin Mohd Ghazali telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 30 Januari 2017.

4.2 Semasa menjalankan tugasnya sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, YA telah menjadi hakim bagi 3 kes perbicaraan bernombor kes WA-45-2-07/2018, WA-45-3-07/2018, WA-45-5-08/2018 terhadap tiga pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan dana sama (RM42 juta daripada SRC International) yang dituduh ke atas Dato' Sri Najib Razak iaitu Pendakwa Raya v Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak [2020] MLJU 1254 (selepas dari ini disebut sebagai "kes perbicaraan")

4.3 Berdasarkan Nota Prosiding En Rosli Hussain Pegawai Penyiasat (IO), bertarikh 22/8/2019 (m/s 51-54), antaranya ada memberi keterangan berikut dihadapan YA seperti berikut:-

4.3.1 Putra Perdana Development Sdn Bhd (PPD) telah mengambilalih saham Unity Capital Sdn Bhd (UCSB)

---

sebanyak 37.5% di dalam Iskandar Holdings Co Ltd (IHCL) daripada Unity Capital sebanyak RM240 juta tunai. RM140 juta telah digunakan oleh PPD pada 11.8.2014 bagi harga belian acquisition. Pada Disember 2014, saham yang diperolehi bagi acquisition IHCL telah dijamin dengan fasiliti pinjaman sebanyak RM140juta daripada Maybank.

4.3.2 Harga pengambilalihan saham RM 140 juta ini telah disalurkan oleh Maybank kepada PPD pada 12/12/2014, RM140juta ini telah disalurkan kepada SRC International melalui Putra Perdana Construction Sdn Bhd (PPC) pada hari yang sama atas arahan Jho Low.

4.4 Di akhir perbicaraan YA telah membuat alasan penghakiman yang di antaranya mengulas perkara berikut:-

4.4.1 Keterangan saksi pembelaan iaitu YBhg Dato' Rosman Bin Abdullah yang menyatakan pinjaman berjumlah RM 140 juta daripada Maybank kepada PPD dipindahkan kepada SRC International melalui PPC pada 12/12/2014 atas arahan Jho Low.

4.4.2 Keterangan Pegawai Penyiasat yang menyatakan bahawa RM 140 juta yang dipindahkan ke SRC International pada 12/12/2014 bukan diperolehi daripada pinjaman Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Sebaliknya adalah daripada pinjaman Maybank oleh PPD.

---

4.5 YA adalah "General Counsel" dan "Company Secretary" Maybank dari tahun 2005 sehingga 2015 dan terlibat dalam menguruskan proses kelulusan pinjaman berikut:-

4.5.1 YA telah hadir dalam mesyuarat Special BOD Meeting bertarikh 12 Mac 2012 bagi kelulusan pinjaman pengambilalihan TEHSB bernilai RM4.17 billion.

4.5.2 Pada 5 Februari 2015 telah terlibat atas kapasiti General Counsel dalam memberi nasihat perundangan bagi isu ketidakmampuan 1MDB untuk melangsaikan pinjaman term loan 2nd tranche pinjaman pengambilalihan TEHSB yang berjumlah RM2 billion.

4.5.3 Pinjaman RM 140 juta yang dipohon oleh PPD telah dilulus melalui resolusi Maybank secara edaran emel pada 24 Jun 2014 yang mana pencatit dan penyedia, "Circular Resolution" keputusan iaitu Fazilah Binti Abu Bakar yang bertugas di bahagian "Corporate Service dan Legal Service" & akan melapor kepada ya pada ketika itu dan memperaku resolusi tersebut.

4.6 Selain itu, Maybank Investment juga dilantik untuk memberikan khidmat nasihat kepada 1MDB bagi menyediakan pelan strategi dan perniagaan berkaitan penubuhan SRC dan perniagaan SRC International pada September 2010.

4.7 Semasa perbicaraan berlangsung, YA mengetahui berhubung dengan penglibatan Maybank di dalam memberi pinjaman kepada 1MDB serta PPD dan beliau turut mengulas 'money trail' duit rasuah yang diterima oleh Ybgh Dato' Sri Najib di dalam penghakimannya.

---

4.8 YA mempunyai pengetahuan secara langsung berhubung pemberian pinjaman kepada 1MDB, dalam urusan pengambilalihan TEHSB & di mana YA Dato' Mohd Nazlan Mohd Ghazali turut hadir dalam Special BOD Meeting bertarikh 12 Mac 2012 bagi kelulusan pinjaman pengambilalihan TEHSB bernilai RM4.17 billion.

## 5. ULASAN SPRM

5.1 Perbuatan YA yang menghakimi kes SRC International yang gagal mengisytiharkan kepada mahkamah atau ketua jabatannya bahawa beliau pernah bertugas sebagai "General Counsel dan Company Secretary Maybank" dalam menghakimi kes SRC International serta turut terlibat dalam menguruskan berkaitan kelulusan pinjaman RM 140 juta kepada Putra Perdana Berhad dan pinjaman RM 4.17 billion kepada 1MDB Energy bagi pengambilalihan TEHSB adalah disifatkan telah melanggar peraturan 8(1)(a) Kod Etika Hakim 2009 P.U. (B) 201. yang menyatakan seperti berikut:-

5.1.1 "Seorang hakim hendaklah memastikan bahawa semua aktiviti luar kehakimannya tidak menimbulkan keraguan yang munasabah tentang keupayaan untuk bertindak dengan saksama sebagai seorang hakim". Perkara 8(1) hingga 8(10) menggariskan perkara berkaitan risiko percanggahan itu perlu mengisytihar kepentingan apabila mendapat tahu berkaitan perkara ini yang mana kod etika ini terikat dengan Fasal 4 Perkara 125 (3) (b) Perlembagaan Persekutuan.

---

5.2 Perbuatan ini juga boleh dianggap dengan sengaja melakukan tinggalkan (ommission) kerana secara sedar telah gagal mengisytiharkan kepentingan beliau semasa mengadili kes SRC International. Terdapat beberapa kes yang boleh dirujuk (kes duluan) bagi keperluan seorang hakim untuk mengisytiharkan kepentingan bercanggah bagi mengelakkan persepsi berlakunya ketidakadilan sebelum ataupun semasa kes itu sedang diadili olehnya. Ia bertujuan untuk memastikan agar keadilan terpelihara kepada semua pihak yang terlibat. Justeru YA Hakim perbicaraan yang bertanggungjawab hendaklah melaksanakan keadilan agar dilihat tidak bersifat memihak, mempunyai integriti dan tingkah laku yang baik.

## 6. PERAKUAN SPRM

Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia setelah meneliti kes ini dan mengambil kira kepentingan awam memperakukan supaya YA Dato' Mohd Nazlan Mohd Ghazali diambil tindakan tatatertib di bawah Kod Etika Hakim 2009.

Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram,  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tarikh : 20 Februari 2023